

# STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

**NAMA PUSAT : INOVATION (MY DIETRY)**  
**FUNGSI : BLOCK & PUZZLE**  
**TAJUK/ TEMA : PIRAMID MAKANAN**

BI L	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	MA 6.3.3	Membuat binaan menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti dan menceritakannya
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Proses penyediaan piramid makanan
		<b>T</b>	Model Piramid makanan, dan video
		<b>R</b>	Kerjasama dan mengambil giliran semasa aktiviti
		<b>E</b>	Melukis lakaran piramid makanan
		<b>A</b>	Menghasilkan model piramid makanan mengikut lakaran
		<b>M</b>	Pengelasan makanan mengikut kategori
4	<b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN</b>		Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat menghasilkan piramid makanan menggunakan bahan terbuang
5	<b>BBM</b>		kotak, gambar, warna air, berus lukisan, gunting, gam, tali, penebuk lubang
6	<b>NILAI MURNI</b>		Bertolak ansur, bekerjasama dan hormat menghormati dalam menyelesaikan tugas
7	<b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b>		

a) Kanak-kanak menyanyikan lagu “makanan seimbang”.

Url : <https://youtu.be/xeS4p24rKe0>  
<https://youtu.be/r6Gy7dXOSSU>

b) Kanak-kanak menonton video mengenai piramid makanan

c) Kanak-kanak mendengar penerangan guru mengenai Piramid Makanan.

- **Aras 1**

Nasi, mee, roti dan sumber bijirin dan ubi-ubian  
Makan secukupnya  
4-8 sajian sehari

- **Aras 2**

Sayur-sayuran dan buah-buahan  
Makan banyak  
Sayur-sayuran : 3 sajian sehari  
Buah-buahan : 2 sajian sehari

- **Aras 3**

Ikan, ayam, daging dan kekacang  
Makan sederhana  
 $\frac{1}{2}$  - Sajian ayam, daging dan telur sehari  
1 Sajian ikan sehari  
 $\frac{1}{2}$  - 1 Sajian kekacang sehari  
1-3 Sajian sehari susu dan produk tenusu

- **Aras 4**

Lemak, minyak, gula dan garam  
Makan sedikit



1. Kanak-kanak mengumpul keratan gambar berkaitan dengan piramid makanan yang dibawa dari rumah .

Contoh (gambar) :

- roti
- biskut
- buah-buahan
- sayur-sayuran
- ayam dan lain-lain.

2. Kanak-kanak dibahagi kepada tiga kumpulan.
3. Setiap kumpulan berbincang dan melakar piramid makanan mengikut kreativiti.
4. Kanak-kanak menghasilkan piramid makanan mengikut lakaran.
5. Kanak-kanak bersoal jawab mengenai piramid makanan yang telah dipelajari
6. kanak-kanak menyanyikan lagu Makanan Seimbang sambil membuat pergerakan.
7. Model piramid makanan dipamerkan di pusat pembelajaran.